



## **GARIS PANDUAN BERKENAAN PERMOHONAN MEMASUKKAN SEMULA NAMA SYARIKAT DI BAWAH SEKSYEN 555(1) AKTA SYARIKAT 2016**

---

Garis Panduan ini dikeluarkan menurut Seksyen 20C Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Pindaan) 2015.

### **TUJUAN**

1. Tujuan garis panduan ini adalah untuk memberi panduan berhubung prosedur permohonan untuk memasukkan semula nama syarikat yang telah dipotong daripada Daftar di bawah seksyen 549 dan/atau seksyen 550 Akta Syarikat 2016 (AS 2016).

### **PENGENALAN**

2. Seksyen 549 dan/atau seksyen 550 AS 2016 memberikan kuasa undang-undang kepada Pendaftar Syarikat untuk memotong nama syarikat dari Daftar atas usulnya sendiri atau atas permohonan oleh seorang pengarah, anggota atau penyelesai syarikat.
3. Kriteria-kriteria yang diambilkira oleh Pendaftar Syarikat semasa membuat keputusan untuk memotong nama sesebuah syarikat dari Daftar syarikat selaras dengan seksyen 549 AS 2016 adalah seperti berikut:

- (a) syarikat itu tidak menjalankan perniagaan atau tidak beroperasi;
  - (b) syarikat itu telah melanggar (peruntukan AS 2016);
  - (c) syarikat itu digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau apa-apa maksud yang menjelaskan atau bertentangan dengan keamanan, kebijakan, keselamatan, kepentingan awam, ketenteraman awam, ketertiban atau kemoralan di Malaysia;
  - (d) dalam apa-apa hal jika syarikat digulung dan Pendaftar Syarikat mempunyai sebab yang munasabah bahawa-
    - (i). tiada penyelesai yang bertindak;
    - (ii). hal ehwal syarikat digulung sepenuhnya dan selama tempoh enam bulan penyelesaian telah ingkar dalam menyerah simpan apa-apa penyata yang dikehendaki supaya dibuat olehnya; atau
    - (iii). hal ehwal syarikat telah digulung sepenuhnya di bawah penggulungan oleh Mahkamah dan tiada aset atau aset yang ada tidak mencukupi untuk membayar kos bagi memperoleh perintah Mahkamah untuk membubarkan syarikat.
4. Seterusnya, mana-mana syarikat yang gagal untuk mematuhi peruntukan seksyen 68 dan seksyen 259 AS 2016 (bagi syarikat yang ditubuhkan di bawah AS 1965 dan/atau AS 2016) serta seksyen 575 dan 576 AS 2016 (bagi syarikat asing) adalah dianggap tidak menjalankan perniagaan atau tidak beroperasi.

5. Status syarikat yang telah dipotong namanya menurut peruntukan seksyen 549 AS 2016 dan/atau seksyen 550 AS 2016 akan bertukar menjadi bubar setelah notis yang ditetapkan menurut peruntukan seksyen 551 AS 2016 diterbitkan dalam warta.
6. Pihak yang terkilan dengan pembubaran syarikat melalui pemotongan nama di bawah seksyen 549 AS 2016 dan/atau seksyen 550 AS 2016 boleh membuat permohonan kepada Mahkamah untuk memasukkan semula nama syarikat yang telah dibubarkan ke dalam daftar syarikat.
7. Menurut peruntukan seksyen 555(1) AS 2016, permohonan untuk memasukkan semula nama syarikat ke dalam Daftar boleh dibuat pada bila-bila masa dalam tempoh tujuh (7) tahun selepas nama syarikat dipotong.

#### **PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**

8. Permohonan untuk memasukkan semula nama syarikat ke dalam Daftar syarikat hendaklah dibuat menurut peruntukan seksyen 555 AS 2016 dan Aturan 88 Kaedah 2, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012). Seksyen 555 AS 2016 dan Aturan 88 Kaedah 2, KKM 2012 memperuntukkan seperti berikut:

**Seksyen 555 (1) AS : Any person who is aggrieved by the decision of the Registrar to strike off the company may, within seven years after the name of the company has been struck off, apply to the Court to reinstate the name of the company into the register.**

**Seksyen 555 (2) AS: If the Court is satisfied that the company was at the time of the striking off, carrying on business or in operation or otherwise that it is just that the name of the company be reinstated in the register, the Court may order that:**

*(a) the name of the company be reinstated; and*

*(b) give such directions and make such provisions as seem just for placing the company and all other persons in the same position as nearly as may be as if the name of the company had not been struck off.*

**Seksyen 555 (3) AS: Upon an office copy of the order is lodged with the Registrar, the company shall be deemed to have continued in existence as if its name had not been struck off.**

**Aturan 88, Kaedah 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012: "Except for the proceedings specified in Appendix C relating to the winding up of companies and capital reduction under the Act, proceedings under the Act shall be commenced by originating summons".**

9. Menurut Aturan 88 Kaedah 2 KKM 2012, permohonan untuk memasukkan semula nama syarikat ke dalam Daftar hendaklah dimulakan dengan Plaintiff memfailkan Saman Pemula ('*Originating Summons*') di Mahkamah. Saman Pemula ini hendaklah disokong oleh Afidavit Sokongan yang menjelaskan alasan dan bukti yang menyokong permohonan. Afidavit Sokongan hendaklah mengandungi fakta-fakta seperti berikut:

- (a) Maklumat pengarah syarikat;
- (b) Maklumat pemegang saham;

- (c) Surat persetujuan daripada pengarah lain (jika pengarah lebih daripada seorang);
  - (d) Alamat berdaftar syarikat;
  - (e) Alasan permohonan; dan
  - (f) Lain-lain fakta yang perlu dan relevan.
10. Plaintiff hendaklah mengekshibitkan dalam Afidavit Sokongan sesalinan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan (semasa dan tertunggak) sebagai bukti untuk menyokong permohonan.
11. Selain itu, Plaintiff juga perlu mengekshibitkan bukti-bukti lain yang relevan dengan alasan-alasan di dalam Afidavit Sokongan. Contohnya, sekiranya syarikat mempunyai aset semasa nama syarikat dipotong, Plaintiff hendaklah mengemukakan bukti-bukti yang menunjukkan kewujudan aset tersebut. Contohnya, carian rasmi hakmilik terkini, geran hakmilik, dan penyata akaun bank.
12. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melalui Pendaftar Syarikat selaku badan kawal selia kepada syarikat di Malaysia hendaklah dinamakan sebagai pihak 'Defendant' dalam permohonan ini. Pendaftar Syarikat bertanggungjawab untuk memberi kesan kepada perintah yang akan diberikan oleh Mahkamah. Oleh itu, Pendaftar Syarikat akan meneliti semua permohonan untuk memasukkan semula nama syarikat ke dalam Daftar sebelum memaklumkan kepada Mahkamah pendiriannya sama ada menyokong atau membantah permohonan tersebut.

## **LAMPIRAN**

13. Berikut adalah contoh ‘Kertas Kausa’ untuk permohonan memasukkan semula nama syarikat ke dalam daftar:

**Lampiran A – Saman Pemula**

**Lampiran B – Afidavit Sokongan**

**Garis Panduan ini disediakan oleh:**

**Pendaftar Syarikat**

**Suruhanjaya Syarikat Malaysia**

**Tarikh: 30 Januari 2023**

# **LAMPIRAN A**

Tarikh difaikkan :  
Tarikh pendengaran :

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
(BAHAGIAN DAGANG)

**SAMAN PEMULA NO.:**

Dalam Perkara Mengenai ABC SDN. BHD.(No.  
Syarikat : 111111111111 / 12345-A)

DAN

Dalam Perkara Mengenai Seksyen 549 dan/atau  
seksyen 550 dan Seksyen 555 Akta Syarikat 2016

DAN

Dalam Perkara Mengenai Aturan 1 Kaedah 8,  
Aturan 88 Kaedah 2, dan Aturan 92 Kaedah 4  
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

ANTARA

DEFGH

(No. K/P: xxxxxx-xx-xx)

...PLAINTIF

DAN

PENDAFTAR SYARIKAT,  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

... DEFENDAN

---

**SAMAN PEMULA**

---

Benarkan Defendan yang beralamat di Menara SSM, @ Sentral, No. 7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur hadir di hadapan Hakim dalam Kamar pada hari                pada                haribulan               ,                pukul pagi/petang atas pendengaran suatu permohonan oleh Plaintiff yang menuntut terhadap Defendan yang dinamakan di atas untuk relif-relif berikut :-

1. Bahawa nama Syarikat ABC Sdn Bhd (No. Syarikat: 111111111111 / 12345-A) dimasukkan semula ke dalam Daftar Syarikat Defendan menurut peruntukan Seksyen 555(1) Akta Syarikat 2016;
2. Bahawa Plaintiff hendaklah menyerahsimpan dokumen-dokumen statutori yang tertunggak dan yang mana ianya tidak diserahsimpan termasuk tetapi tidak terhad seperti berikut:
  - (a) Penyata Kewangan Teraudit dari tahun xxxx sehingga tahun xxxx;
  - (b) Penyata Tahunan dari tahun xxxx sehingga tahun xxxx ; dan
  - (c) dokumen-dokumen lain yang berkaitan (sekiranya ada).
3. Bahawa kos tindakan sebanyak RM2,000.00 dibayar oleh Plaintiff dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perintah ini diberikan.
4. Bahawa kos permohonan ini ditanggung oleh Plaintiff; dan

5. Perintah-Perintah lanjut yang dirasakan suaimanfaat oleh Mahkamah yang Mulia ini.

Bertarikh pada haribulan

Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi  
Kuala Lumpur

## *Memorandum yang hendak diturunkan pada saman*

Saman ini diambil oleh Tetuan xxx yang beralamat dixxxxx, peguamcara kepada Plaintiff yang tersebut di atas.

Nota: Saman ini tidak boleh disampaikan lebih daripada 6 bulan kalender selepas tarikh di atas melainkan diperbaharui oleh perintah Mahkamah. difikirkan adil dan suai manfaat oleh Mahkamah.

**Saman Pemula** ini telah difaikkan oleh xxxx , peguamcara bagi pihak **Plaintif** yang mempunyai alamat untuk penyampaian di xxxxxx.

[No. Telefon: xxxxxx] [Faks: xxxxxx] [Ruj : xxxxxx]

# **LAMPIRAN B**

Tarikh difaikkan :  
Tarikh diikrarkan :  
Tarikh pendengaran :

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
(BAHAGIAN DAGANG)

**SAMAN PEMULA NO.:**

Dalam Perkara Mengenai ABC SDN. BHD.(No.  
Syarikat: 11111111111 / 12345-A)

DAN

Dalam Perkara Mengenai Seksyen 549 dan/atau  
seksyen 550 dan Seksyen 555 Akta Syarikat, 2016

DAN

Dalam Perkara Mengenai Aturan 1 Kaedah 8,  
Aturan 88 Kaedah 2, dan Aturan 92 Kaedah 4  
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

ANTARA

DEFGH

(No. K/P: XXXXXX-XX-XX)

... PLAINTIF

DAN

PENDAFTAR SYARIKAT,  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

... DEFENDAN

---

**AFIDAVIT SOKONGAN**

---

Saya, **DEFGH** (No. K/P: xxxxxx-xx-xxxx) seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat di xxxxxxx dengan sesungguhnya berikrar dan menyatakan seperti berikut:-

1. Saya adalah salah seorang Pengarah dan Pemegang Saham di Syarikat ABC Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 111111111111 / 12345-A) ('syarikat tersebut'), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965/Akta Syarikat 2016.
2. Saya sesungguhnya telah diberikan kuasa untuk mengikrarkan afidavit ini bagi syarikat tersebut dan juga bagi pihak xxxx, iaitu seorang lagi Pengarah di dalam syarikat tersebut.

Sesalinan Afidavit yang diikrarkan oleh xxxx pada xxxx/surat pengesahan yang menyatakan persetujuannya untuk memberi kuasa kepada saya untuk mengikrarkan afidavit ini bagi pihak beliau dalam permohonan ini dilampirkan dan ditandakan sebagai "**Eksibit DEFGH-1**"

3. Fakta-fakta yang dinyatakan di sini adalah dalam pengetahuan saya berdasarkan rekod-rekod kepunyaan syarikat tersebut yang mana saya mempunyai akses penuh melainkan dinyatakan berdasarkan maklumat yang diberi dan kepercayaan saya sendiri.

## **FAKTA MATERIAL**

4. Syarikat tersebut telah didaftarkan pada xx.xx.xxxx dan antara objek perniagaannya adalah xxxxxxxx.
5. Saya juga menyatakan bahawa Pengarah-Pengarah syarikat tersebut adalah juga Pemilik-Pemilik Saham di dalam syarikat tersebut yang terdiri daripada dua orang individu iaitu:
  - a. DEFGH (No. K/P: xxxxxx-xx-xx); dan
  - b. xxxx (No. K/P: xxxxxx-xx-xx)

Sesalinan Carian Syarikat yang terkini dilampirkan di sini dan ditandakan sebagai ***“Eksibit DEFGH-2.”***

6. Saya telah dinasihati oleh peguamcara saya bahawa permohonan untuk mendaftarkan semula nama syarikat tersebut adalah perlu kerana pada setiap masa yang material, syarikat tersebut adalah sebuah syarikat yang aktif dan menjalankan perniagaan sejak penubuhannya sehingga kini.
7. Saya juga menyatakan bahawa permohonan ini perlu dan penting bagi memastikan syarikat tersebut dapat menjalankan perniagaannya secara sah. Tambahan pula syarikat tersebut adalah dalam proses untuk mengembangkan perniagaannya yang mana secara tidak langsung akan memberi daya saing dalam

bidang perniagaan yang diceburi oleh syarikat tersebut dan dapat menjana ekonomi negara.

8. Saya selanjutnya menyatakan bahawa melalui Penyata Kewangan yang Telah Diaudit dari tahun xxxx hingga tahun xxxx dan Deraf Penyata Kewangan tahun xxxx, menunjukkan bahawa syarikat tersebut adalah aktif menjalankan perniagaan dan beroperasi pada setiap masa yang material dan memperolehi keuntungan dalam tahun-tahun sebelum ini.

Sesalinan “Penyata Tahunan” dari tahun xxxx sehingga tahun xxxx dan “Penyata Kewangan yang Teraudit” syarikat tersebut dari tahun xxxx sehingga tahun xxxx” dan Deraf Penyata Kewangan tahun xxxx dilampirkan dan ditandakan secara kolektif sebagai **“Eksibit DEFGH-3.”**

**PEMBUBARAN SYARIKAT ABC SDN. BHD. (NO. SYARIKAT: 111111111111 / 12345-**

**A) OLEH DEFENDAN**

9. Pada dan/atau sekitar bulan xxxxx xxxx Plaintiff telah dimaklumkan bahawa syarikat tersebut telahpun dibatalkan dari Daftar Syarikat pada xx.xx.xxxx apabila Notis di bawah Seksyen 551(2) diwartakan pada xx.xx.xxxx di dalam Warta Kerajaan bernombor xxxxxx.

10. Lantaran daripada itu, syarikat tersebut melalui pekerja dan/atau agennya telah menghubungi Defendan dan telah dimaklumkan oleh Defendan bahawa syarikat tersebut telah dibubarkan disebabkan kegagalan syarikat tersebut untuk menyerahsimpan dokumen-dokumen statutori kepada Defendan dari tahun xxxx sehingga xxxx i.e. Penyata Kewangan yang telah diaudit dan Penyata Tahunan.

#### **PERKHIDMATAN SETIAUSAHA SYARIKAT**

11. Setelah mengetahui bahawa nama syarikat tersebut telah dibatalkan dari Daftar Syarikat, agen, wakil dan/atau pekerja syarikat tersebut telah menghubungi Tetuan xxxx Sdn. Bhd iaitu perkhidmatan setiausaha syarikat yang bertauliah yang digunakan oleh syarikat tersebut berkenaan perkara yang sama.
12. Namun begitu, tiada sebarang penjelasan munasabah yang diberikan oleh Tetuan xxxx Sdn. Bhd. atas kegagalan mereka untuk menyerah simpan dokumen-dokumen statutori kepada pihak Defendan bagi pihak syarikat tersebut.
13. Plaintiff pada setiap masa yang material mempercayai bahawa dokumen-dokumen statutori i.e. Penyata Kewangan yang telah diaudit dan Penyata Tahunan telah diserahsimpan Tetuan xxxx Sdn. Bhd. kepada Defendan dan berada di dalam keadaan teratur menurut peruntukan Akta Syarikat 1965/Akta Syarikat 2016.

**SYARIKAT MASIH AKTIF MENJALANKAN PERNIAGAAN SEMASA NAMA**  
**SYARIKAT DIBATALKAN DARI DAFTAR SYARIKAT**

14. Saya selanjutnya telah dinasihati oleh peguamcara saya bahawa penyenaraian semula syarikat tersebut ke dalam Daftar Syarikat adalah material atas alasan-alasan di bawah:-

14.1 Pada setiap masa material, syarikat tersebut masih aktif menjalankan perniagaan dan mencatatkan keuntungan memberangsangkan. Ini dapat dilihat melalui Penyata Kewangan yang Telah Diaudit dari tahun xxxx sehingga tahun xxxx dan Deraf Penyata Kewangan tahun xxxx yang telah dieksibitkan di Eksibit DEFGH-3.

14.2 Syarikat tersebut juga telah dianugerahkan projek oleh xxxx pada tahun xxxx untuk kerja xxxx dan pada tahun xxxx untuk kerja mengendalikan, menghantar dan memunggah xxxx dan xxxx di xxxx. Projek tersebut masih lagi berkuatkuasa dan projek ini adalah bersifat berkepentingan awam serta memberikan rangsangan kepada ekonomi negara.

Sesalinan Perjanjian xxxx bertarikh xxxx dan Surat Rasmi Penganugerahan (“*Official Award Letter*”) dari xxxx bertarikh xxxx dilampirkan dan ditandakan secara kolektif sebagai “**Eksibit DEFGH-4.**”

14.3 Sekiranya syarikat tersebut tidak disenaraikan semula oleh Defendan, syarikat tersebut tidak dapat mengembangkan perniagaannya.

14.4 Sekiranya nama syarikat tersebut tidak didaftarkan semula, adalah amat merugikan, amat berbahaya dan akan menyebabkan kemudaratian yang tidak boleh dipampas apabila aktiviti ekonomi syarikat tersebut tidak dapat dikembangkan sekaligus akan memberi kesan kepada pekerja-pekerja syarikat tersebut yang masih lagi berkhidmat dengan syarikat tersebut serta mendedahkan risiko kepada syarikat tersebut untuk diambil tindakan guaman kerana gagal untuk mematuhi terma-terma kontrak yang dimasuki di antara syarikat tersebut dan xxxx.

Sesalinan senarai pekerja syarikat tersebut berserta bukti pembayaran Caruman pekerja ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, SOCSO dan LHDN bagi tahun-tahun yang terlibat dilampirkan dan ditandakan secara kolektif sebagai “**Eksibit DEFGH-5.**”

14.5 Sekiranya nama syarikat tersebut tidak didaftarkan semula, nama baik dan reputasi syarikat tersebut sebagai sebuah syarikat perkapalan terkemuka akan menjadi sia-sia dan akan terjejas dengan teruk dan akan memberi kesan yang buruk kepada pelanggan-pelanggan yang sedia ada seperti xxxx, bakal pelanggan (“*prospect client*”) dan pihak yang selama ini berurusan untuk membuat dagangan dengan syarikat tersebut.

## **TIADA KESAN YANG MEMUDARATKAN DEFENDAN**

15. Dalam setiap masa yang material kegagalan syarikat tersebut untuk menyerahsimpan Penyata Kewangan yang Telah Diaudit dan Penyata Tahunan kepada pihak Defendan masih boleh diselaraskan (“*regularize*”).
16. Tambahan pula, syarikat tersebut telah menyediakan Penyata Tahunan dari tahun xxxx sehingga xxxx dan Penyata Kewangan yang Teraudit dari tahun xxxx sehingga tahun xxxx yang telah dieksibitkan di Eksibit DEFGH-3, yang mana tidak diserahsimpan dengan pihak Defendan. Penyata Kewangan tersebut adalah pada setiap masa telah siap dan sedia untuk diserahsimpan sekiranya permohonan ini dibenarkan. Malah syarikat tersebut juga telah menyediakan Deraf Penyata Kewangan Tahun xxxx seperti yang dieksibitkan di Eksibit DEFGH-3 dan bersedia untuk diserahsimpan sekiranya permohonan ini dibenarkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini.
17. Dalam setiap keadaan, saya percaya bahawa Defendan boleh mengenakan denda ataupun kompaun terhadap syarikat tersebut berikutan kegagalan syarikat tersebut dalam menyerahsimpan Penyata Tahunan dan Penyata Akaun Teraudit selain daripada membatalkan nama syarikat di dalam Daftar Syarikat.

18. Atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas, saya dengan rendah diri memohon agar permohonan saya di dalam Saman Pemula dibenarkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

Berkenaan dengan Afidavit oleh deponen )  
bernama **DEFGH (No. K/p:xxxxx-xx-xxxx** )  
diikrarkan pada )  
di                    pada pukul )  
pagi/petang (tanpa terjemahan) )

Di hadapan saya,

.....  
Pesuruhjaya Sumpah

**AFIDAVIT SOKONGAN** ini telah difailkan oleh xxxx , peguamcara bagi pihak **Plaintif** yang mempunyai alamat untuk penyampaian di xxxxxx.

[No. Telefon: xxxxxx]        [Faks: xxxxxx]        [Ruj : xxxxxx]